

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 17 JUN 2014

SOALAN :

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah yang telah dan bakal diambil bagi mengelakkan ketirisan dan kebocoran daripada terus berulang seperti yang dilaporkan Ketua Audit Negara setiap tahun yang menganggarkan antara RM20 bilion ke RM40 bilion ketirisan setiap tahun.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat memandang serius teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara yang diterbitkan pada setiap tahun. Namun begitu, andaian berlakunya ketirisan sebanyak RM20 bilion hingga RM40 bilion adalah tidak tepat. Ini kerana kebanyakan penemuan audit adalah melibatkan aspek pengurusan kontrak, pengurusan bekalan, pengurusan hasil, penyelenggaraan aset, ketidakpatuhan kepada peraturan kewangan dan kekurangan pemantauan. Sebagai contoh dalam isu pembinaan Politeknik Banting yang berharga RM186.88 juta, dimana telah menerima teguran audit berkaitan dengan kelewatan pembayaran kepada kontraktor, arahan perubahan kerja dan kualiti kerja yang kurang memuaskan. Walau bagaimanapun, projek tersebut dapat disiapkan dan digunapakai. Ini jelas menggambarkan bahawa teguran audit merujuk kepada kegagalan mencapai tahap kualiti yang telah ditetapkan dan kelewatan dalam pembayaran. Teguran tersebut tidak melibatkan ketirisan kewangan dan nilai kontrak. Oleh yang demikian ketirisan kewangan sebanyak yang didakwa bagi kesemua laporan audit adalah tidak tepat.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun begitu, kerajaan amat memandang berat segala teguran audit samada melibatkan kerja atau kewangan. Oleh yang demikian, kerajaan telah dan akan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi menyiasat teguran melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiian pelaksanaan tugas;
- (ii) mengambil tindakan tatatertib, surcaj atau pertuduhan jenayah di mahkamah ke atas pegawai didapati melakukan salah laku atau kecuaiian;
- (iii) memaklumkan status tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara secara berkala kepada Ketua-ketua Jabatan melalui Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan dan Mesyuarat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Dengan Ketua Setiausaha dan Setiausaha Kerajaan Negeri; dan
- (iv) memaparkan status tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara dalam laman web Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sekian. Terima kasih.